

Institut Teknologi MARA Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah.

Rancangan Perniagaan Pengurusan Sisa Plastik

Disediakan Untuk:

**Encik Abdul Hameed Bin Mohd. Mydeen
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)**

Disediakan Oleh:

**Mohamad Fardaus Bin Rahmat
95258936**

**Hairul Goenawan Bin Mustaffah
95267726**

**Muhammad Abd. Salam Bin Mohd Tahir
95977134**

**Nur Mahathir bin Abd. Aziz
95492625**

**Deddy Iskandar Bin Ahmad Mizan
95483881**

20 Februari 1998



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **5hb. Disember 1997**
Surat Tuan:
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Muhd Abd Salam Mohd Tahir	93977134
2.	Nur Mahathir Abd Aziz	95492625
3.	Deddy Iskandar Ahmad Milan	95483881
4.	Hairul Goenawan Mustaffah	95267726
5.	Mohamad Fardaus Rahmat	95258936

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

Surat Penyerahan

Kajian Pentadbiran dan Undang-undang
Diploma Pentadbiran Awam
Institut Teknologi MARA Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah.

11 November 1997

Encik Abdul Hameed Bin Mohd. Mydeen
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi MARA Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah.

Tuan,

Penyerahan Rancangan Perniagaan Pengurusan Sisa Plastik

Merujuk kepada perkara di atas, kami telah diarahkan untuk menyediakan sebuah rancangan perniagaan . Sehubungan dengan itu kami telah memilih rancangan perniagaan kami dengan rundingan bersama iaitu pengurusan sisa plastik.

Tujuan kami menyediakan rancangan perniagaan ini ialah untuk memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) yang dimestikan ke atas semua pelajar semester lima bagi mendedahkan diri pelajar kepada dunia perniagaan yang sebenarnya.

Rancangan perniagaan ini menyediakan maklumat-maklumat terbabit yang akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat perkilangan yang menjalankan aktiviti memproses dan memasarkan barangan daripada plastik-plastik terpakai.

Kami berharap rancangan perniagaan yang telah disediakan menepati keperluan yang telah disyaratkan. Kami juga ingin memohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan di dalam rancangan perniagaan kami ini. Segala maklum balas kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Akhir kata, segala kerjasama dan maklumat, nasihat dan bimbingan dari pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kertas kerja ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

1.0 Pengenalan

Teknoplas Enterprise merupakan sebuah perniagaan berbentuk perkongsian yang terdiri daripada 5 orang rakan kongsi. Perniagaan ini tertumpu kepada aktiviti pengambilan sisa plastik (botol sos) dan di samping itu juga menghasilkan produk berasaskan kepada bahan mentah dan sisa plastik tadi. Perniagaan yang dicadangkan akan tertumpu di Negeri Melaka dan Johor khususnya dan Malaysia amnya. Perniagaan ini memerlukan modal sebanyak RM 874857.00 di mana RM 284857.00 merupakan modal daripada rakan kongsi dan RM 500000.00 daripada pinjaman yang dibuat daripada pihak bank.

Kami cadangkan perniagaan ini menyewa bangunan di Lot 13 & 14, KM 1591 & 1592, Pusat Industri Ringan Paya Datuk, 78000 Alor Gajah, Melaka. Kami mencadangkan kawasan ini kerana ianya akan menjadi kawasan perindustrian terbesar di Alor Gajah. Lebih-lebih lagi kawasan itu adalah strategik kerana berhampiran dengan tol Simpang Empat dan letaknya di kawasan yang mudah dilihat.

kami mencadangkan perniagaan ini kerana perniagaan ini berpotensi untuk berkembang dengan pesat. Ini berdasarkan kepada peningkatan terhadap tempat tinggal. Di samping itu juga, produk yang ingin dikeluarkan berupaya dikeluarkan dengan murah kerana ia diperbuat daripada bahan-bahan terpakai yang diproses semula. T ong sampah yang dikeluarkan direkabentuk untuk memenuhi citarasa pelanggan sejajar dengan perancangan kerajaan yang ingin mengurangkan penggunaan plastik.

Dengan perancangan kerajaan yang ingin meningkatkan jumlah rumah kos rendah, oleh itu bagi rancangan operasi selama tiga tahun, kami mencadangkan supaya memperbanyakkan dan meningkatkan pengeluaran UNIBASKET.